

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS APRESIASI
INFOSTRUKTURWEBINAR@UCS 2025
ANJURAN
BAHAGIAN INFOSTRUKTUR**

**25 MAC 2025 | SELASA | 10.00 PAGI
BILIK SEMINAR PTAR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Juliana Johari

Ketua Pegawai Digital

Jabatan Digital UiTM

YBrs. Profesor Ir Ts Dr Mohamad Hafiz Mamat

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi)

YBrs. Puan Alfina Bakar

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan

YBrs. Encik Zamani Umar

Timbalan Ketua Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Selangor
Merangkap Pengarah Program

Barisan Pengurusan Eksekutif Negeri UiTM
Cawangan Selangor

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit

Wakil Majlis Perwakilan Pelajar

Yang Diraikan, penceramah dan moderator webinar

Warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan
puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Apresiasi InfostrukturWebinar@UCS 2025** Anjuran Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Selangor.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **YBrs. Prof. Ir. Ts. Dr. Juliana Johari, Ketua Pegawai Digital, Jabatan Digital UiTM**, atas kesudian meluangkan masa bersama-sama warga UCS untuk menjayakan majlis pada hari ini.

Hadirin sekalian,

3. Umum mengetahui, kerajaan komited untuk meningkatkan perkhidmatan digital yang bersepadu, dipercayai, dan selamat selaras

dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025.

4. Strategi Digital First (2024-2025) yang diperkenalkan oleh Jabatan Digital Negara menjadi pemacu utama dalam usaha mempercepat transformasi digital sektor awam.
5. Inisiatif ini selari dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat melalui pendekatan pendigitalan yang menyeluruh dan mesra pengguna.
6. Justeru, pemantapan kompetensi digital personal sektor awam amat penting dalam menentukan kejayaan transformasi digital yang dilaksanakan.
7. Saya juga melihat pelaksanaan program literasi digital: “InfostrukturWebinar@UCS” yang telah memasuki musim ke-3 ini adalah bertepatan

dengan aspirasi MyDigital dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), di bawah Strategi A1 Mentransformasi Perkhidmatan Awam.

8. Saya dimaklumkan, sepanjang siri webinar yang telah dilaksanakan, para peserta berpeluang memperoleh pelbagai ilmu baharu dan mendengar perkongsian, serta pandangan bernas daripada barisan penceramah yang berpengalaman.
9. Saya percaya, dalam era kebergantungan digital yang berkembang pantas, pengetahuan yang diperoleh melalui siri webinar ini bukan sahaja menjadi nilai tambah, malah menjadi keperluan kritikal dalam meningkatkan keupayaan warga universiti untuk memahami, menggunakan, dan berinteraksi dengan teknologi digital secara efektif.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

10. Bagi mendukung Pelan Strategik UiTM2025 yang telah memasuki fasa terakhir pada tahun 2025, UiTM giat melaksanakan pelbagai inisiatif transformasi digital selaras dengan hala tuju UiTM ke arah Globally Renowned Universiti 2025 (GRU2025) yang menekankan aspek inovasi dan kecemerlangan akademik yang disokong oleh pendigital.
11. Dalam konteks ini, program kesedaran melalui webinar ICT seperti yang dianjurkan ini memainkan peranan yang sangat penting dalam mempercepat usaha digitalisasi, serta meningkatkan tahap literasi digital dan kemahiran warga UiTM untuk mengadaptasi teknologi terkini.
12. Mudah-mudahan dengan komitmen semua pihak, kita dapat merealisasikan usaha pelaksanaan transformasi digital, khususnya di UiTM Cawangan Selangor, dengan menjadikan platform

InfostrukturWebinar@UCS sebagai medium utama untuk menyampaikan pelbagai maklumat ICT terkini yang informatif.

13. Sebelum mengakhiri kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan penceramah jemputan, moderator dan jawatankuasa pelaksana atas sumbangan dan komitmen dalam menjayakan siri webinar sepanjang tahun 2024.

14. Saya sudahi ucapan ini dengan serangkap pantun.

Layar dikembang ke tengah lautan,
Nakhoda bijak mengemudi haluan.
Ilmu dicurah penuh keikhlasan,
Menjadi bekal sepanjang zaman.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah

**Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**